

# Karnival Kesihatan Mahasiswa dedah kepentingan penjagaan kesihatan diri

VB S.H. 2019 A3

KOTA KINABALU: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah menjayakan Karnival Kesihatan Mahasiswa yang berlangsung di Kafe Kolej Kediaman Excellent UMS.

Menurut satu kenyataan daripada FPSK, karnival itu adalah sebagai satu platform untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kepentingan untuk menjaga kesihatan diri masing-masing.

“Penganjuran karnival yang turut terbuka kepada orang awam ini juga adalah satu medium terbaik dalam mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara para siswa-siswi UMS serta masyarakat luar,” menurut kenyataan itu.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang karnival itu dijalankan, antaranya pameran dan demonstrasi CPR dan pertolongan cemas, sesi derma darah serta gerai-



**YEAP (tengah) merakamkan gambar bersama urusetia Karnival Kesihatan Mahasiswa.**

gerai dari kelab-kelab di UMS serta dari badan bukan kerajaan (NGO).

Turut diadakan satu ceramah pendidikan yang disampaikan oleh pensyarah UMS Dr Loo Jian Lin yang juga merupakan seorang pakar psikiatri.

Dalam ceramahnya, beliau berkongsi tentang kesihatan mental manusia dan menyatakan bahawa Malaysia sahaja mempunyai kadar masalah kesihatan mental yang tinggi dan kini mungkin sedang meningkat.

Hadir sama pada karnival

itu ialah Timbalan Dekan FPSK Dr Yeap Boon Tat, Penolong Pendaftar Kanan UMS Matusup Hj Rasid, Felo Kolej Kediaman Excellent Zulbaitul Eza Othman dan Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Syakur Maming.